

**Belanjawan Negeri Selangor Dibentang 19 Nov  
Bernama  
6 Oktober, 2012**

BESTARI JAYA, 6 Okt (Bernama) -- Belanjawan Negeri Selangor akan dibentangkan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 19 Nov depan, kata Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah telah pun memberikan perkenan baginda mengenai sidang pada 19 Nov itu tetapi baginda masih belum memberikan perkenan mengenai cadangan sidang khas DUN.

Rabu lepas Abdul Khalid berkata kerajaan negeri bercadang mengadakan sidang khas itu bagi membentangkan tiga isu yang menjadi pertikaian hangat di Selangor iaitu isu pengambilalihan hutang Talam Corporation Bhd, penstrukturan semula industri air negeri dan senarai pengundi yang didakwa diragui dan gagal dikesan.

Oleh itu, Khalid berkata Rabu depan beliau akan menghadap baginda bagi mendapatkan perkenan untuk mengadakan sidang khas itu sebelum 19 November ini.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Dataran Anak Muda DUN Ijok di sini beliau berkata jika sidang khas itu mendapat perkenan Tuanku ia akan membolehkan kesemua 56 anggota DUN lebih fokus untuk memahami dan membahaskan isu berkenaan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=700079>